



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **26 Mar 2021 (Jumaat)**

#### **Berita Harian**

MAIS mohon jadi pencelah rayuan	1
Dokumentari kenali Masjid Jamek Sultan Ibrahim	2

#### **Utusan Malaysia**

Kalimah Allah: MAIS fail rayuan	3
Enakmen syariah dicabar, dihina	4

#### **Harian Metro**

Mais mohon jadi pencelah	5
Tambah penerima fasa kedua PICK	6

#### **Kosmo**

Kilang, hostel jadi PPV di Selangor	7
MAIS fail mohon mencelah isu kalimah	8

#### **Sinar Harian**

Kumpulan baharu penerima ditambah	9
Wajib sekat jika ada unsur penghinaan	10

#### **RTM1**

Ceroboh Tanah Rizab Kerajaan Negeri Selangor	11
Fasa Kedua Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan / Kempen Pendaftaran Penerimaan Vaksin Covid-19	12

#### **The Star**

Selangor MB pays visit to refurbished urban river park	13
Govt to cover more groups	14
Send out tankers eateries pelad to Air Selangor	15
Court okays challenge of conversion	16

#### **New Straits Times**

ECONOMIC FRONTLINERS TO GET JABS IN PHASE 2	17
---	----

#### **The Sun**

More groups added to Phase 2 of vaccine drive	18
---	----

#### **The Edge CEO Morning Brief**

New groups to be added to second phase of Covid-19 vaccination says Khairy	19
--	----

#### **The Malaysian Reserve**

Covid19 : More individuals to be vaccinated next month	20
--	----

#### **Sin Chew Daily**

Drains clogged by grease from restaurant; Bukit Tinggi business owner fined	21
Construction of school received approval, groundbreaking ceremony to be held soon; SJK(C)	22
Too Joon Hing expected to accept students in 2023	

#### **Nanyang Siang Pau**

Ground breaking is expected in the near future after permit obtained, SJKC Too Joon Hing is	23
---	----



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



Selangor Government: To protect environment and water source, ECRL should retain the southern route expected to be open in the year after next	
Khairy: There is no need to go out to contact the people, specific industrial areas give priority to vaccinations	25
<b>Oriental Daily</b>	
The second stage of vaccination, increase the number of people in the economic field	26
Electroplating factory fined RM60,000 for polluting environment with waste water	27
PKNS PLUS housing promotion helps people own house	28



**KERATAN AKHBAR**  
**26 March 2021**

Akhar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	MAIS mohon jadi pencelah rayuan
Muka Surat	:	18

*Isu penggunaan kalimah*

# MAIS mohon jadi pencelah rayuan

**Shah Alam:** Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) akan memfailkan permohonan di Mahkamah Rayuan untuk menjadi pihak pencelah dalam kes rayuan Kerajaan Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berhubung isu penggunaan kalimah Allah.

Pengerusinya, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof, berkata MAIS menjunjung kasih titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada Selasa lalu yang melarang penggunaan kalimah Allah dalam kitab Bible (terjemahan Bahasa Melayu) atau percetakan segala buku dan penulisan bagi agama Kristian di Selangor.

Katanya, MAIS berpegang teguh dengan pendirian kalimah Allah adalah kalimah suci yang merujuk hanya kepada Allah iaitu Tuhan Yang Maha Esa, menjadi asas keimanan orang Islam.

"Justeru, kalimah berkenaan tidak boleh digunakan atau disamakan dengan tuhan bagi agama lain selain Islam.

"MAIS bertanggungjawab sebagai pihak berkuasa utama berhubung pentadbiran agama Islam di negeri ini selepas Sultan untuk memelihara dan menjaga kesucian agama Islam.

"Ia termasuk menghalang penggunaan kalimah Allah oleh mana-mana orang jika ka-

limah tersebut jelas menyalaahi maksud Allah yang menjadi teras akidah dan kepercayaan orang Islam," katanya dalam kenyataan, semalam.

Pada 15 Mac lalu, kerajaan Persekutuan dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang membenarkan penggunaan kalimah Allah dan tiga perkataan lain dalam penerbitan penganut agama Kristian bagi tujuan pendidikan.

Selasa lalu, Sultan Selangor menegaskan kalimah Allah dilarang digunakan dalam Bible (terjemahan bahasa Melayu) atau percetakan buku dan tulisan agama Kristian dalam apa-

bentuk di Selangor.

Baginda mengulangi pendirian kalimah Allah ialah kalimah suci umat Islam dan hanya boleh digunakan merujuk kepada Tuhan Yang Maha Esa yang mempunyai sifat kesempurnaan.

Abdul Aziz berkata, MAIS juga menegaskan Seksyen 9 Enakmen Ugama Bukan Islam (Pengawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam, 1988), menjadi kesalahan kepada orang bukan Islam menggunakan kalimah Allah untuk menyatakan idea, konsep, perbuatan, aktiviti, perkara atau hal mengenai sesuatu agama bukan Islam di dalam Selangor.

Katanya, fatwa yang diwartakan di Selangor pada 18 Februari 2010 juga memperuntukkan kalimah Allah tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama bukan Islam lain.


Sementara itu, *BERNAMA* melaporkan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) berkemungkinan besar akan menjadi pemerhati dalam kes rayuan berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam negeri, Tosrin Jarvanthi, berkata tindakan itu dilakukan sebagai menyokong usaha Kerajaan Persekutuan yang memfailkan rayuan berhubung isu itu.

"Isu ini dibawa dalam Jabatan Fatwa Negeri Johor dan kita sedang menunggu proses rayuan berhubung isu itu daripada kerajaan Persekutuan.

"Kemungkinan besar JAINJ akan menjadi pemerhati dalam prosiding, yang akan diketuai Mufti Johor, Datuk Yahya Ahmad," katanya dalam sidang media selepas Program Bantuan Amal Jariah Perbadanan Islam Johor (PIJ) di Felda Taib Andak, semalam.

Tosrin pada masa sama berkata, Majlis Agama Islam Negeri Johor bersedia membantu mana-mana pihak dalam mencari formula dan keputusan terbaik berhubung isu penggunaan kalimah Allah.

 **Kalimah Allah tidak boleh digunakan atau disamakan dengan tuhan bagi agama lain selain Islam.**

**Abdul Aziz Mohd Yusof,**  
 Pengerusi MAIS







**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>26 March 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Dokumentari kenali Masjid Jamek Sultan Ibrahim
Muka Surat	:	35

## Dokumentari kenali Masjid Jamek Sultan Ibrahim

**Masjid** memainkan peranan cukup penting dalam sesebuah komuniti bukan sekadar sebagai rumah ibadat untuk orang Islam, tetapi mencakupi skop yang lebih luas.

Ini termasuk sebagai medium integrasi dan perpaduan dalam kalangan masyarakat setempat.

Menyadari kepentingan itu, sekumpulan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menghasilkan dokumentari pendek mengenai Masjid Jamek Sultan Ibrahim di Kuala Selangor.

Sasaran utama dokumentari untuk memperjelaskan kepada masyarakat kepentingan fungsi masjid yang dirasmikan Sultan Selangor pada 6 Mac 1987 itu.

Pemilihan Masjid Jamek Sultan Ibrahim cukup tepat berikutan keadaannya yang mempunyai pelbagai kemudahan awam serta menjadi pusat tumpuan masyarakat.

Masjid dengan kapasiti 800 jemaah ini bukan hanya dilengkapi dewan, tetapi juga koperasi, kawasan riadah, bilik pengurusan jenazah, perpustakaan mini dan pelbagai kemudahan lain. Semuanya ditonjolkan melalui dokumentari dihasilkan.

Harapan utama dokumentari untuk memastikan masyarakat jelas menge-

nai peranan utama masjid dalam membangunkan dan mewarnai pembangunan komuniti, serta menambah minat dan tarikan masyarakat untuk terus mengimarahkan masjid.

Bukan sekadar solat, malah lebih utama untuk bersama-sama menyertai segala aktiviti dianjurkan pihak masjid.


Melalui dokumentari sama, Masjid Jamek Sultan Ibrahim dijadikan sebagai masjid contoh supaya berlaku penyelarasan atau penambahbaikan kemudahan.

Harapannya untuk melihat masjid dipandang institusi yang mengambil berat kesejahteraan jemaah.

Dokumentari pendek ini mengambil masa kurang tiga minggu untuk dihasilkan kumpulan mahasiswa USIM melalui Kursus Pengurusan Masjid. Ia kemudian dimuat naik ke saluran YouTube Pusat Pembangunan Insaniah (PPKI).

Apa yang pasti, pengimarahkan masjid amat penting dalam melestarikan fungsinya sebagai institusi Islam yang luhur juga suci bagi umat Islam.

Oleh itu, marilah sama-sama mengimarahkan masjid supaya terus mencintai masjid walaupun sekelumit zarah, kerana hati yang terpaat pada masjid, besar ibrahnya.



*Masjid Jamek Sultan Ibrahim di Kuala Selangor dirasmikan pada 6 Mac 1987.*



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 26 March 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kalimah Allah: MAIS fail rayuan
Muka Surat	:	10

### Kalimah Allah: MAIS fail rayuan

**SHAH ALAM:** Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) akan memfailkan permohonan di Mahkamah Rayuan untuk dijadikan sebagai pihak penceloh dalam kes rayuan berhubung kebenaran penganut Kristian menggunakan empat perkataan bahasa Arab termasuk kalimah Allah.

Pengerusinya, Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof berkata, tindakan itu dibuat demi menjaga kesucian kalimah Allah yang berkait rapat dengan akidah orang Islam.

Jelas beliau, MAIS bimbang kebenaran penganut Kristian menggunakan empat perkataan bahasa Arab termasuk kalimah Allah dapat membuka ruang kepada pihak-pihak tidak bertanggungjawab menyebar atau mengembangkan agama bukan Islam kepada orang Islam khususnya di Selangor.

"MAIS menyokong penuh tindakan Kementerian Dalam Negeri dan kerajaan untuk merayu keputusan tersebut.

"MAIS juga menjunjung kasih titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan akan memfailkan permohonan di Mahkamah Rayuan untuk dijadikan sebagai pihak penceloh dalam kes rayuan tersebut," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Baru-baru ini Sultan Selangor bertitah, penggunaan kalimah Allah dalam kitab Bible (terjemahan Bahasa Melayu) atau percetakan buku dan tulisan agama Kristian dalam apa jua bentuk yang mengandungi kalimah Allah tetap dilarang sama sekali di negeri ini.


Abdul Aziz berkata, MAIS berpegang teguh dengan pendirian bahawa kalimah Allah adalah suatu kalimah suci yang merujuk hanya kepada Allah iaitu Tuhan Yang Maha Esa yang menjadi asas keimanan orang Islam.





**KERATAN AKHBAR**  
**26 March 2021**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Enakmen syariah dicabar, dihina
Muka Surat	:	17



UMAT Islam tidak boleh lagi berdiam diri apabila Enakmen Syariah Negeri semakin kerap dicabar oleh pertubuhan atau individu berkepentingan. - GAMBAR HIASAN/SHIDDIQIIN ZON

# Enakmen syariah dicabar, dihina

**D**ALAM satu penghakiman kes *Kamariah binti Ali dan lain-lain lwn. Kerajaan Negeri Kelantan dan satu lagi (2002) 3 MLJ 657*, Hakim Mahkamah Rayuan, Abdul Hamid Mohamad menyebut: “Perlembagaan itu sendiri memberi kuasa kepada badan perundangan negeri (bagi negeri-negeri) untuk mengkanunkan hukum syarak dalam perkara-perkara yang disebut dalam *Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan*.”

Peruntukan sedia ada ini secara jelas memberi kuasa kepada kerajaan negeri untuk menentukan hala tuju masyarakat *rabbani* dalam sesebuah negeri.

Namun, langit tidak selalunya cerah buat segelintir kelompok yang mengaku diri mereka Muslim tetapi sering mengeluarkan kenyataan yang bertentangan dengan lunas agama kerana fatwa di Malaysia boleh dikeluarkan untuk mencengam penularan ideologi sesat dalam kalangan penduduk beragama Islam. Masakan tidak, sebahagian umum terutamanya saudara seakidah dapat menarik nafas lega apabila pada Julai 2014,

**CAKNA**  
 Oleh **Nur Faribah Meor Mazli**



Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengisytiharkan pertubuhan *Sisters in Islam* (SIS) sebagai sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam.

Berikutan ‘pengharaman’ tersebut, SIS terus dikenali sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang lantang memperjuangkan hak-hak kesamarataan gender termasuk lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT), membantah hukuman sebat syariah dan mempromosikan fahaman liberalisme secara agresif melalui penulisan ahlinya dan kenyataan rasmi di media arus perdana. Rata-rata masyarakat Muslim menyokong keputusan MAIS dan menganggap perkataan ‘Islam’ dalam akronim SIS perlu dibuang kerana tindakan mereka dilihat sering kali bertentangan dengan hukum-hukum yang termaktub di dalam al-Quran dan sunnah.

Saya berpendapat, keputusan Hakim Nordin Hassan di Mahkamah Tinggi

“**Amalan merujuk kepada prinsip Islam atau fatwa dalam perundangan syariah dan di mahkamah sivil telah wujud sejak sebelum merdeka lagi.**”

Kuala Lumpur yang menolak permohonan semakan kehakiman SIS terhadap fatwa MAIS pada 27 Ogos lalu adalah tepat kerana mengikut peruntukan Seksyen 66A Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Mahkamah Syariah Selangor boleh menentukan tindakan undang-undang terhadap fatwa yang dikeluarkan pihak berkuasa agama negeri demi kepentingan keadilan. Hakim yang bijaksana tersebut turut memutuskan mahkamah sivil tiada kuasa mendengar semakan kehakiman berkenaan perkara itu bertepatan dengan semangat pemisahan kuasa mahkamah

sivil dan syariah dalam Perkar 121(1A) Perlembagaan negara.

Orang awam termasuk bukan Muslim perlu diingatkan, semua Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri (kecuali Kelantan) memperuntukkan fatwa hendaklah diiktiraf oleh mahkamah syariah sebagai autoritatif mengenai semua perkara yang dinyatakan di dalamnya.

Cabaran SIS terhadap keabsahan Seksyen 66A Enakmen Negeri Selangor di mahkamah tinggi sivil pada tahun lalu dan kini di peringkat Mahkamah Persekutuan hanya bertujuan menyerang hak mutlak badan perundangan negeri dalam *Senarai II* Perlembagaan yang mengiktiraf kedudukan Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk menggubal undang-undang berkaitan orang Islam.

Hujah SIS bahawa kuasa semakan kehakiman adalah secara eksklusif terletak hak kepada mahkamah tinggi sivil melalui suatu litigasi strategik menunjukkan usaha berterusan mereka dalam mengetepikan kepentingan fatwa yang bermaksud memberi penjelasan kepada orang awam tentang sebarang kemusykilan, termasuk

penyelewengan agama yang dibawa oleh SIS.

Ketika ini, satu demi satu cabaran terhadap Enakmen Syariah Negeri dilayangkan oleh pertubuhan atau individu berkepentingan menunjukkan kita tidak boleh lagi berdekap tubuh ibarat menunggu padi masak. Asasnya perlu difahami bahawa amalan merujuk kepada prinsip Islam atau fatwa dalam perundangan syariah dan di mahkamah sivil telah wujud sejak sebelum merdeka lagi kerana yang pakar soal Islam itu bukan Hakim Persekutuan tetapi mufti negeri-negeri. Ia tidak boleh dalam apa-apa keadaan dipandang hina dan dicampak merata atau dikutip secara bias hanya apabila kena dengan nafsu. Justeru, pihak yang ingin memenangkan agama tertinggi ini perlu kuat mempertahankan fatwa sebagai sumber undang-undang Islam agar penipuan demi penipuan oleh mana-mana NGO yang menunggang agama dapat dibongkarkan dan bukti kesesatan mereka dipateri demi kesejahteraan umat sejahtera.

Penulis ialah pengamal undang-undang, Ketua Biro Media WAFIQ, aktivis hak asasi manusia dan Ahli Jawatankuasa Pusat MACSA.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 26 March 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Mais mohon jadi penceloh
Muka Surat	:	8

# Mais mohon jadi penceloh

**Shah Alam:** Majlis Agama Islam Selangor (Mais) akan memfailkan permohonan di Mahkamah Rayuan untuk dijadikan sebagai pihak penceloh (*intervener*) dalam kes rayuan berkaitan penggunaan kalimah Allah demi menjaga kesucian kalimah itu yang berkait rapat akidah umat Islam.

Pengerusinya, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata, Mais menjunjung kasih titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada Selasa lalu yang melarang penggunaan kalimah Allah dalam kitab Bible (terjemahan Bahasa Melayu) atau percetakan apa-apa buku dan penulisan bagi agama Kristian di Selangor.

Katanya, Mais berpegang teguh dengan pendirian bahawa kalimah Allah adalah suatu kalimah suci yang merujuk hanya kepada Allah iaitu Tuhan Yang Maha Esa

yang menjadi asas keimanan orang Islam.

“Adalah menjadi tanggungjawab Mais sebagai pihak berkuasa utama berhubung dengan pentadbiran agama Islam di Selangor, selepas Sultan Selangor, untuk memelihara dan menjaga kesucian agama Islam termasuklah menghalang penggunaan kalimah Allah oleh mana-mana orang jika kalimah tersebut jelas menyalahi maksud Allah yang menjadi teras akidah dan kepercayaan orang Islam,” katanya.

Beliau berkata, Mais juga menegaskan bahawa mengikut seksyen 9 Enakmen Ugama Bukan Islam (Pengawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam, 1988), mana-mana orang bukan Islam yang menggunakan kalimah Allah untuk menyatakan idea, konsep, perbuatan, aktiviti, perkara atau hal mengenai sesuatu

agama bukan Islam di dalam Selangor adalah merupakan suatu kesalahan.

Katanya, fatwa yang diwartakan di Selangor pada 18 Februari 2010 juga memperuntukkan bahawa kalimah Allah tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam yang lain dan wajib bagi orang Islam untuk menyekat penggunaan kalimah Allah jika terdapat unsur-unsur penghinaan atau penyalahgunaan terhadap kalimah Allah tersebut.

“Mais juga bimbang terhadap penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam dalam penerbitan agama Kristian kerana ia boleh membuka ruang kepada pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menyebarkan atau mengembangkan agama bukan Islam kepada orang Islam khususnya di negeri ini,” katanya, semalam.



**KERATAN AKHBAR**  
**26 March 2021**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Tambah penerima fasa kedua PICK
Muka Surat	:	11



KHAIRY (kanan) meluangkan masa beramah mesra dengan petugas barisan hadapan ketika membuat lawatan ke Pusat Pemberian Vaksin di Hospital Shah Alam, semalam.

# TAMBAH PENERIMA FASA KEDUA PICK

*Petugas barisan hadapan ekonomi antara kumpulan divaksin awal*

Oleh Luqman Arif  
 Abdul Karim  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

**Shah Alam**

Beberapa kumpulan penerima tambahan akan dimasukkan dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) fasa kedua yang bakal bermula April hadapan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, berkata, percaturan itu dibuat selepas kadar pendaftaran vaksin di seluruh negara ketika ini masih rendah.

Sehubungan itu, katanya, senarai penerima tambahan termasuk petugas barisan hadapan ekonomi akan dimasukkan dalam Pick fasa kedua.

"Memandangkan pendaftaran untuk golongan sasaran masih tidak sepenuhnya, justeru kita buat keputusan untuk mendahulukan kategori (penerima) lain.

"Tetapi saya nak tegaskan bahawa warga emas, golongan berisiko tinggi, orang kurang upaya (OKU), pesakit kronik masih golongan yang diberikan keutamaan dalam fasa kedua Pick.

"Isnin nanti saya akan umum beberapa kumpulan yang dipersetujui di peringkat Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin (JKJAV) sebagai penerima tambahan dalam PICK fasa kedua," katanya selepas Mesyuarat Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) Selangor di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Berdasarkan perangkaan setakat 23 Mac lalu, kadar pendaftaran menerusi MySejahtera bagi mendapatkan vaksin ialah 6,442,512 orang

atau hanya 26.56 peratus daripada keseluruhan penduduk berusia 18 tahun di Malaysia.

Kerajaan sebelum ini menasaskan pemberian vaksin fasa kedua, mulai April hingga Mei kepada 9.4 juta orang yang antara lain terdiri daripada golongan rentan, pesakit kronik, warga emas, OKU dan individu menghidap komorbiditi.

Jika dibandingkan, kadar pendaftaran menerusi aplikasi MySejahtera hanya mewakili 68.5 peratus daripada keseluruhan 9.4 juta penerima yang disasarkan untuk menerima suntikan pelalian fasa kedua.

Dalam temu bual khas bersama portal CodeBlue, Khairy dilaporkan berkata kumpulan tambahan yang bakal disenaraikan sebagai penerima vaksin fasa kedua merang-

kumi pekerja di sektor pengeluaran, pembinaan, penerbangan serta minyak dan gas.

Pertimbangan sedemikian diambil kerana laporan harian kes penularan Covid-19 banyak membabitkan pekerja di sektor berisiko berkenaan, sekali gus menyuarakan usaha kerajaan bagi memutuskan rantaian pandemik kesihatan itu.

Selain kumpulan tambahan diklasifikasikan sebagai petugas barisan hadapan ekonomi, Khairy berkata penduduk di Johor yang kebanyakan daerahnya ketika ini dikategorikan sebagai zon merah akan mendapat vaksin lebih awal, menjelang fasa kedua.

Keutamaan bagi penerima di negeri itu akan dikhususkan kepada pekerja yang berulang-alik ke Singapura selepas Malaysia berhasrat untuk memulihkan Laluan Hijau Timbal Balik (RGL) bagi pergerakan rentas sempadan di Tambak Johor.

**“ Kita buat keputusan untuk mendahulukan kategori (penerima) lain Khairy**





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**26 March 2021**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Kilang, hostel jadi PPV di Selangor
Muka Surat	:	5

# Kilang, hostel jadi PPV di Selangor

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**SHAH ALAM** – Kilang dan hostel pekerja di Selangor akan dijadikan sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) khususnya dalam fasa kedua bagi memudahkan urusan memulihkan ekonomi khususnya di negeri ini.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, perkara itu telah dipersetujui pihaknya dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dengan jemaah menteri telah mengarahkan beliau sendiri agar memberikan tumpuan kepada Selangor sebagai negeri pemacu ekonomi negara.

Katanya, langkah tersebut susulan negeri itu pada ketika ini masih ada kadar jangkitan tinggi

terutama di kawasan industri.

"Kita akan senaraikan kilang dan bekerjasama dengan mereka untuk melaksanakan pemberian vaksin di kilang dan hostel. Jadi, mereka tidak perlu keluar ke PPV."

"Setakat ini, terdapat 90 PPV di Selangor dan kita akan tambah PPV itu bergantung kepada penghantaran vaksin dari luar negara," katanya pada sidang akhbar di sini.

Terdahulu, beliau hadir mesyuarat badan bertindak Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan peringkat Selangor yang dipengerusikan bersama Amirudin semalam.

Khairy Jamaluddin turut memaklumkan beliau akan membuat pengumuman kategori-kategori lain untuk fasa kedua Program Imunisasi Covid-19 Ke-

bangsaan (PICK) fasa kedua pada Isnin depan.

"Ada kumpulan dikategorikan sebagai barisan hadapan ekonomi dan kumpulan lain yang telah dipersetujui dalam Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin.

"Keutamaan PICK fasa kedua ini tetap kepada warga emas, orang kelainan upaya dan individu mempunyai penyakit kronik walaupun pendaftaran mereka kurang mendapat sambutan," jelasnya.

Ketika ditanya berkenaan pembelian vaksin oleh kerajaan negeri Selangor, Khairy Jamaluddin menegaskan sedia membantu dari sudut tersebut yang amat dialukan dalam menampung pertambahan vaksin yang disediakan Kerajaan Persekutuan.



**KHAIRY JAMALUDDIN (kiri) bersama Amirudin (kanan) ketika melawat Selangor di Shah Alam semalam.**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>26 March 2021</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	MAIS fail mohon mencelah isu kalimah
Muka Surat	:	6

## MAIS fail mohon mencelah isu kalimah

**SHAH ALAM** – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) akan memfailkan permohonan di Mahkamah Rayuan untuk menjadi pihak pencelah dalam kes rayuan berhubung kebenaran kepada penganut Kristian dalam penggunaan kalimah Allah dalam penerbitan pendidikan agama itu.

Pengerusinya, Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof berkata, langkah itu sebagai menjunjung titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah kelmarin yang melarang penggunaan kalimah Allah dalam kitab Bibel untuk terjemahan bahasa Melayu atau percetakan apa-apa buku dan penulisan bagi agama Kristian di negeri ini.

Katanya, pihak MAIS turut menyokong penuh tindakan pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan pihak Kerajaan Malaysia untuk merayu keputusan tersebut.

"MAIS berpegang teguh dengan pendirian bahawa kalimah Allah merupakan suatu kalimah suci yang merujuk hanya kepada Allah iaitu Tuhan Yang Maha Esa yang menjadi asas keimanan orang Islam.

"Justeru, kalimah tersebut tidak boleh digunakan atau disamakan dengan tuhan bagi agama-agama lain selain daripada agama Islam," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau memberitahu, pihaknya bertanggungjawab sebagai pihak berkuasa utama berhubung dengan pentadbiran agama Islam di dalam Selangor selepas Sultan Sharafuddin untuk memelihara dan menjaga kesucian agama Islam.

Ujar Abdul Aziz, itu termasuk menghalang penggunaan kalimah Allah oleh mana-mana orang jika kalimah tersebut jelas menyalahi maksud Allah yang menjadi teras akidah dan kepercayaan orang Islam.



**KERATAN Kosmo! 24 Mac 2021.**

"Ingin ditegaskan di bawah Seksyen 9 Enakmen Ugama Bukan Islam (Penguatkuasaan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam, 1988), mana-mana orang bukan Islam yang menggunakan kalimah Allah untuk menyatakan idea, konsep, perbuatan, aktiviti, perkara atau hal mengenai sesuatu agama bukan Islam di dalam Selangor adalah merupakan suatu kesalahan," jelasnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, fatwa yang diwartakan di Selangor pada 18 Februari 2010 juga memperuntukkan bahawa kalimah Allah tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam yang lain dan wajib bagi orang Islam untuk menyekat penggunaan kalimah Allah jika terdapat unsur-unsur penghinaan atau penyalahgunaan terhadap kalimah Allah tersebut.

"Justeru, MAIS menzahirkan kebimbangan terhadap penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam dalam penerbitan agama Kristian.

"Ini berikutan boleh membuka ruang kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menyebarkan atau mengembangkan agama bukan Islam kepada orang Islam khususnya di Selangor," katanya.

Kosmo! kelmarin melaporkan Sultan Sharafuddin bertitah penggunaan kalimah Allah dalam kitab Bibel untuk terjemahan bahasa Melayu atau percetakan sebarang buku dan tulisan agama Kristian.





<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>26 March 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kumpulan baharu penerima ditambah
Muka Surat	:	10

# Kumpulan baharu penerima ditambah

Pemberian vaksin Covid-19 fasa kedua bermula April hingga Ogos 2021

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Beberapa kumpulan baharu penerima akan ditambah untuk pemberian vaksin Covid-19 pada fasa kedua nanti yang bakal diumumkan pada Isnin depan, kata Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, beberapa kumpulan yang dikategorikan sebagai 'barisan hadapan ekonomi' dan kumpulan lain akan dimasukkan sebagai penerima vaksin fasa kedua selepas dipersetujui di peringkat Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin.

Beliau berkata, perkara itu dilakukan memandangkan

pendaftaran untuk fasa kedua masih belum sepenuhnya mencapai sasaran maka jawatankuasa itu membuat keputusan untuk mendahulukan beberapa kategori lain.

"Tapi saya ingin tegaskan bahawa warga emas, golongan berisiko tinggi dengan penyakit kronik dan orang kurang upaya masih lagi diberi keutamaan untuk fasa kedua," katanya pada sidang media selepas mengadakan pertemuan bersama Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari di Bangunan Annex pada Khamis.

Fasa kedua program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan akan berlangsung mulai April hingga Ogos 2021.

Pada pertemuan itu, Khairy dan Amirudin turut membincangkan mengenai pelarasan beberapa perkara khususnya dalam menambah jumlah pendaftaran penerima vaksin di negeri ini.

Mengulas lanjut, Khairy berkata, Selangor menjadi antara negeri yang merekodkan pendaftaran dan pemberian vaksin tertinggi di Malaysia bagi fasa pertama yang masih berjalan sehingga kini.



Khairy (kiri) menerima cenderahati daripada Amirudin selepas mempengerusikan Mesyuarat Badan Bertindak Program Imunisasi Covid-19 (CITF) Peringkat Negeri Selangor sempena lawatan kerjanya ke Selangor pada Khamis.

"Kesedaran di Selangor agak tinggi dan kita akan tingkat strategi pendaftaran vaksin melalui pendaftaran bersempena menerusi program yang akan dijalankan bersama jentera kerajaan negeri yang turut dibantu oleh badan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain.

"Kita juga akan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) dan lain-lain untuk pergi rumah ke rumah dan membuka kaunter pendaftaran di kawasan

tumpuan untuk memudahkan kerajaan negeri dan galakkan pendaftaran," katanya.

Dalam pada itu, Khairy berkata, buat masa ini, sebanyak 90 pusat vaksin telah disenaraikan beroperasi di Selangor dan pihaknya sedang melakukan pelarasan berhubung perkara itu sekiranya jumlah berkenaan perlu ditambah selepas ini.

"Sebagai contoh pusat pemberian vaksin di Pusat Konvensyen Sunway juga kapasitinya masih belum penuh

dan mampu ditingkatkan lagi untuk tampung lebih ramai penerima selepas ini," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan mengalu-alukan usaha kerajaan Selangor untuk membeli secara terus keperluan bekalan vaksin daripada pembekal.

"Saya sedia membantu kerajaan negeri selepas menerima permohonan berhubung pembelian bekalan itu sebelum ini.

"Kita alu-alukan (usaha kerajaan Selangor) untuk menampung keperluan tambahan (vaksin) yang kerajaan Persekutuan beri pada semua. Saya sedia membantu dari sudut itu," katanya.

Sebelum ini kerajaan Selangor merancang memperuntukkan sebanyak tiga hingga lima juta dos pembelian vaksin Covid-19 bagi membolehkan penularan virus dikawal sekali gus memutuskan rangkaian jangkitan.

Mengulas lanjut mengenai pembelian itu, Amirudin berkata, buat masa ini kerajaan negeri sedang mengenal pasti senarai lima jenis vaksin yang ditempah oleh kerajaan Pusat.

FOTO: BERNAMA





<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>26 March 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Wajib sekat jika ada unsur penghinaan
Muka Surat	:	22

## Wajib sekat jika ada unsur penghinaan

**SHAH ALAM** - Penggunaan kalimah ALLAH dalam apa-apa penerbitan agama Kristian di negeri Selangor bercanggah dengan undang-undang dan fatwa yang diwartakan di negeri ini pada 18 Februari 2010.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata, fatwa itu secara jelas

memperuntukkan bahawa kalimah ALLAH tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam yang lain.

Tegas beliau, wajib bagi umat Islam untuk menyekat penggunaan kalimah ALLAH jika terdapat unsur-penghinaan atau penyalahgunaan terhadap kalimah ALLAH tersebut.

"Penggunaan kalimah ALLAH untuk menyatakan idea, konsep, perbuatan, aktiviti, perkara atau hal mengenai sesuatu agama bukan Islam di dalam negeri Selangor merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 9 Enakmen Ugama Bukan Islam (Pengawasan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam, 1988)," katanya dalam satu kenyataan media pada Khamis.

Abdul Aziz memberitahu, MAIS turut menzahirkan kebimbangan terhadap penggunaan kalimah suci itu oleh orang bukan Islam dalam penerbitan agama Kristian kerana ia boleh membuka ruang kepada pihak-pihak tidak bertanggungjawab untuk menyebarkan atau mengembangkan agama bukan Islam kepada



**ABDUL AZIZ**

**ISU  
KALIMAH  
ALLAH**

orang Islam khususnya di negeri ini.

"MAIS menyokong penuh tindakan pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan pihak kerajaan Malaysia untuk merayu keputusan tersebut," katanya.

Katanya, MAIS turut menjunjung titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin

Idris Shah pada Selasa yang melarang penggunaan kalimah ALLAH dalam kitab Bible (terjemahan Bahasa Melayu) atau percetakan apa-apa buku dan penulisan bagi agama Kristian di dalam negeri Selangor.

MAIS juga berpegang teguh dengan pendirian bahawa kalimah ALLAH merupakan suatu kalimah suci yang merujuk hanya kepada ALLAH iaitu Tuhan Yang Maha Esa yang menjadi asas keimanan orang Islam.

Justeru, katanya, kalimah tersebut tidak boleh digunakan atau disamakan dengan tuhan bagi agama-agama lain selain daripada agama Islam.

"Adalah tanggungjawab MAIS sebagai pihak berkuasa utama berhubung dengan pentadbiran agama Islam di dalam negeri Selangor selepas Sultan Selangor untuk memelihara dan menjaga kesucian agama Islam.

"Ia termasuklah menghalang penggunaan kalimah ALLAH oleh mana-mana orang jika kalimah tersebut jelas menyalahi maksud ALLAH yang menjadi teras akidah orang Islam," katanya.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 March 2021**

Akhbar	:	RTM1
Tajuk Berita	:	Ceroboh Tanah Rizab Kerajaan Negeri Selangor
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 March 2021**

Akhbar	:	RTM1
Tajuk Berita	:	Fasa Kedua Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan / Kempen Pendaftaran Penerimaan Vaksin Covid-19
Muka Surat	:	-





<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>26 March 2021</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Selangor MB pays visit to refurbished urban river park
Muka Surat	:	6

# Selangor MB pays visit to refurbished urban river park



Amirudin releasing fish at Pengkalan Batu Urban Park at Jalan Tepi Sungai, Klang.

SELANGOR Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari paid a visit to the refurbished Pengkalan Batu Urban Park in Klang.

To mark his visit, Amirudin released several *ikan jelawat* into a man-made wetland which bordered a section of the park at Jalan Tepi Sungai.

“This urban river park is the first phase of overall upgrading

works that will contribute to potential development along the river.

“The water quality has shown marked improvement, from Class V (contaminated and dangerous) to Class III (moderately good),” he said at the event.

Amirudin said Sungai Klang and its embankment held great prospects that could unlock

opportunities for businesses.

“We are currently in negotiations with several parties to realise a number of activities to propel the revival of Sungai Klang,” he said.

Selangor Maritime Gateway, which was appointed the master developer to implement key activities in the rejuvenation of Sungai Klang, handles the management of the urban river park.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>26 March 2021</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Govt to cover more groups
Muka Surat	:	8

# Govt to cover more groups

## 'Economic frontliners' to join second phase of vaccination

By **WANI MUTHIAH**  
 wani@thestar.com.my

**SHAH ALAM:** Due to the low number of registration for the National Covid-19 Immunisation Programme, the government has decided to include additional groups in the second phase of the exercise.

This second phase, which begins in April, was initially meant only for those aged 60 and above as well as high-risk groups.

Science, Technology and Innovation Minister Khairy Jamaluddin said the additional phase two groups will include "economic frontliners".

But Khairy, who is the coordinating minister for the National Covid-19 Immunisation Programme, was quick to point out that the second phase of the programme will still emphasise the high-risk and vulnerable groups.

"I wish to emphasise that the elderly, high-risk groups, the disabled and those with chronic illnesses will still be prioritised in the second phase," Khairy told a press conference at the Selangor state secretariat yesterday.

Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari was also at the press conference, held after the Selangor Covid-19 Immunisation Task Force meeting here.

Khairy will announce what the agreed groups will be next Monday.

"There are some groups categorised as economic frontliners that need to be given attention when administering the vaccine," he added.

He also said the awareness level in Selangor is high as the state has recorded the highest number of registrations for the Covid-19 vaccination.

The state has also recorded the highest number of vaccine doses

administered in the nation during phase one of the exercise, which is still ongoing.

"The awareness level in Selangor is quite high and we will improve our vaccine registration strategy via face-to-face registration through a programme in collaboration with the state government's machinery as well as with the help of non-governmental organisations," said Khairy.

He said the National Disaster Management Agency and other organisations will also be roped in to go house to house, and also initiate registrations in areas frequented by people.

The minister added that some 90 vaccination centres are operational in Selangor and his ministry is in the midst of coordinating to see if there is a need for more such centres to be set up.

He said the subsequent phases will be further improved after scru-

